

Syarat-Syarat Pertandingan

1. Peserta dikehendaki menonton video-video pengenalan dan tunjukcara pertandingan di Youtube. Video-video tersebut boleh ditemui di pautan berikut: www.ultimatemalaysia.com/pertandingan
2. Selepas menonton video-video tersebut, para peserta perlu menjalani latihan melempar cakera secara *backhand* dan *forehand* secara berpasangan.
3. Untuk video pertandingan, peserta dikehendaki untuk merakamkan sesi pertandingan lemparan cakera. Pastikan peserta dan kedua-dua sasaran sentiasa berada dalam video tersebut.
4. Untuk pusingan awal, para peserta dikehendaki meletakkan dua kerusi dalam jarak 6 meter secara berhadapan. Untuk pusingan separuh akhir dan pusingan akhir, para peserta dikehendaki meletakkan dua kerusi dalam jarak 7 meter secara berhadapan.



5. Para peserta perlu merakamkan bukti bahawa kerusi tersebut dalam jarak 6 meter atau 7 meter menggunakan pita pengukur sebelum para peserta bermula melempar cakera.



6. Para peserta hendaklah berdiri di sebelah salah satu kerusi dan melempar cakera secara *backhand* atau *forehand* ke arah kerusi yang bertentangan. Para peserta tidak dibenarkan berdiri di depan kerusi tersebut. Masa akan dikira sebaik sahaja peserta membuat lemparan yang pertama.



7. Objektif pertandingan ini adalah untuk memastikan peserta melempar cakera tepat pada kawasan sasaran atas atau kawasan sasaran bawah seberapa banyak yang boleh. Jika cakera yang dilemparkan mengenai kawasan sasaran atas atau kawasan sasaran bawah, markah akan diperolehi. Sila rujuk Rubrik Pemarkahan. Mata yang disenaraikan dalam rubrik permarkahan bergantung kepada berapa lemparan yang berjaya mengenai kawasan sasaran.



8. Selepas peserta sudah melempar cakera, mereka hendaklah mengambil semula cakera tersebut dan melempar kembali ke arah sasaran (kerusi) yang pertama.



9. Peserta perlu mengulangi aksi ini seberapa banyak yang boleh dalam masa yang diberikan.
 - a. Pusingan Awal: 35 saat (Cabaran Lemparan 6-Meter)
 - b. Pusingan Separuh Akhir: 35 saat (Cabaran Lemparan 7-Meter)
 - c. Pusingan Akhir: 60 saat (Cabaran Lemparan 7-Meter)
10. Jika peserta berpuas hati dengan video yang dirakamkan, mereka boleh memuat naik video tersebut di Youtube. Selepas itu, peserta hendaklah mengisi *Google Form* dan letakkan pautan video dalam ruangan di *Google Form*. Pautan *Google Form* boleh ditemui di pautan berikut: www.ultimatemalaysia.com/pertandingan
11. Peserta tidak dibenarkan mengedit video. Jika ada bukti bahawa video telah diedit, pihak pengangur akan menghantarkan notis pemberitahuan tentang hal ini. Peserta juga mempunyai masa 24 jam untuk menghantar video yang baru.